

USAHA PENYELESAIAN MASALAH BEKALAN AIR DI BUKIT BERUNTUNG.

Saudara Pengarang,

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) merujuk kepada artikel di akhbar Sinar Harian mukasurat S24 (Sinar@Hulu Selangor) berhubung masalah bekalan air sempurna di Taman Widuri, Bukit Beruntung, Selangor.

Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ingin memaklumkan bahawa SPAN telah mengambil maklum berhubung kesulitan bekalan air sejak 2001 yang dialami dan sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah bekalan air kepada penduduk di Taman Widuri, Taman Kesumba serta kawasan-kawasan berhampiran di Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa, Hulu Selangor berkenaan seperti yang disiarkan itu.

Hasil siasatan SPAN sebelum ini mendapati masalah yang dihadapi adalah berpunca daripada kegagalan pihak pemaju untuk menyempurna serta menyerahkan sistem dan infrastruktur bekalan air kepada operator perkhidmatan bekalan air, iaitu SYABAS, walaupun penduduk telah dibenarkan untuk tinggal di rumah masing-masing sejak tahun 2001 lagi. Bagaimanapun, bekalan air untuk penduduk di kawasan berkenaan dibekalkan oleh pemaju dari loji rawatan air milik pemaju di Bukit Timah.

Namun masalah ini bertambah rumit, selepas Loji Bukit Timah gagal berfungsi dengan baik. Untuk makluman, masalah di kawasan Bukit Beruntung ini bukanlah masalah yang baru wujud tetapi telah lama dibangkitkan sejak hampir sepuluh tahun yang lalu. Adalah dipercayai kos pembaikan serta penyempurnaan sistem infrastruktur bekalan air di Bukit Beruntung dianggar akan menelan belanja sebanyak lebih daripada RM 10 juta ringgit. Bagaimanapun, pemaju tidak mempunyai dana untuk berbuat demikian.

SPAN dalam hal ini tidak boleh sewenang-wenangnya mengarahkan operator perkhidmatan bekalan air untuk mengambil alih sistem tersebut. Ini kerana, pihak pemaju mestilah menyempurnakan tanggungjawabnya untuk menyiapkan sistem dan infrastruktur bekalan air tetap seperti mana yang telah dijanjikan kepada penduduk. Dalam hal ini, sekiranya SYABAS diarahkan untuk mengambil alih sistem tersebut, ianya akan dilihat seperti melepaskan pemaju daripada menyempurnakan tanggungjawabnya.

Untuk tujuan mencari penyelesaian, SPAN telah memanggil pihak pemaju serta SYABAS untuk berbincang berhubung masalah yang dihadapi oleh pemaju. Walaupun pemaju menghadapi kesulitan dana, SPAN tetap terus mendesak pemaju untuk menyiapkan infrastruktur bekalan air tetap supaya penduduk boleh mendapat bekalan air terawat daripada sistem agihan SYABAS. Setakat ini, pemaju dan SYABAS telah bersetuju untuk mencari jalan penyelesaian jangka pendek dan sedang berusaha untuk memuktamadkan penyelesaian tersebut. Ini bagi membolehkan sekurang-kurangnya bekalan air sementara dapat diwujudkan sebelum sistem bekalan air tetap dilaksanakan oleh pemaju.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)
24 OGOS 2009